



SIARAN MEDIA

MAJLIS BANDAR PINTAR NEGARA MEMPERKASAKAN AGENDA EKONOMI MADANI

KUALA LUMPUR, 24 Oktober 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Bandar Pintar Negara (MBPN) Tahun 2024 bagi menetapkan dasar dan hala tuju strategik berkenaan pelaksanaan pembangunan bandar pintar di Malaysia. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh pegawai kanan kementerian yang berkaitan, wakil-wakil Kerajaan Negeri dan pengurusan tertinggi KPKT.

MBPN bersetuju untuk menubuhkan Malaysia Smart City Network (MSCN) bagi memperkukuhkan inisiatif bandar pintar dengan menjadi platform untuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan, pembekal solusi pintar dan pemain industri lain untuk berkongsi amalan terbaik, pengalaman dan kemahiran dalam bidang bandar pintar. Mesyuarat MBPN Tahun 2024 turut membincangkan status pelaksanaan inisiatif bandar pintar negara serta menetapkan hala tuju pelaksanaan bandar pintar untuk mencapai Negara Pintar (Smart Nation) pada 2040.

Selain itu, inisiatif baru yang diperkenalkan adalah Penarafan Perbandaran Pintar atau *Smart Township* kepada pemaju swasta mulai tahun 2025. Penarafan ini yang julung kali diperkenalkan oleh KPKT mempunyai 3 tahap iaitu *Silver*, *Gold* dan *Platinum*. Objektif utama penarafan ini adalah untuk mengiktiraf kawasan perbandaran yang telah melaksanakan inisiatif bandar pintar (*smart city*) berpandukan kepada indikator-indikator penilaian bandar pintar di bawah Malaysia Standard (MS) ISO 37122:2019 (*Smart City Indicator*).

Bagi program Penarafan Bandar Pintar Malaysia, MBPN juga telah memperakui PBT yang berjaya mendapat Tahap 1: *Smart City Early Adopter* dan Tahap 2: *Developing Smart City* pada tahun 2024. Secara umumnya, program ini dilaksanakan secara sukarela (*voluntary basis*) bagi PBT yang telah bersedia dengan kriteria *Smart City Indicator (MS) ISO 37122:2019*. Penarafan bandar pintar ini dilaksanakan secara tahunan yang terdiri dari empat peringkat iaitu:

Tahap 1	<i>Smart City Early Adopter</i>
Tahap 2	<i>Developing Smart City</i>
Tahap 3	<i>Leading Smart City</i>
Tahap 4	<i>Visionary Smart City</i>

Buat pertama kali, Bajet 2025 telah menyediakan peruntukan sebanyak RM 17.6 juta, peruntukan tertinggi bagi inisiatif pembangunan bandar pintar. Ini menunjukkan komitmen kerajaan ke arah mempercepatkan Malaysia bergerak menjadi Smart Nation menjelang 2040. Peruntukan yang disediakan adalah bagi menyediakan Blueprint Bandar Pintar Negara dan pemberian insentif penarafan bandar pintar kepada PBT yang berjaya mendapat pengiktirafan sebagai Smartcity Early Adopter dan Developing Smartcity bagi tahun 2024.

Sebanyak 23 PBT yang telah mencapai Tahap 1: *Smart City Early Adopter* pada tahun 2023 telah secara sukarela memohon untuk penarafan Tahap 2: *Developing Smart City* pada tahun ini. Manakala 51 PBT telah memohon untuk penarafan Tahap 1: *Smart City Early Adopter*. PBT yang berjaya mencapai taraf bandar pintar bagi Tahap 1 dan 2 akan diumumkan oleh YB Menteri KPKT pada 28 Oktober 2024 sempena sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia Tahun 2024 yang akan diadakan di Putrajaya.

Semua PBT yang berjaya mendapat Tahap 1 dan 2 akan mendapat insentif dalam bentuk peruntukan bagi pelaksanaan melaksanakan projek bandar pintar untuk membantu PBT berkenaan mencapai ke tahap seterusnya sehingga mencapai tahap tertinggi penarafan iaitu Tahap 4 - *Visionary Smart City*.

KPKT berharap Penarafan Bandar Pintar ini akan memacu Malaysia ke arah Negara Pintar (*Smart Nation*) 2040 selaras dengan aspirasi Malaysia Madani bagi mencorak masa hadapan Malaysia dengan mengambil kira segala bentuk perubahan yang mengubah dunia.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

